

SOALAN NO: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN LIM LIP ENG

TARIKH: 17 NOVEMBER 2016

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan polisi pengambilan pembantu rumah dari luar negara, nama negara pembekal, bilangan mereka yang berada di Malaysia serta caj-caj yang dikenakan.

PR-1343-L76874

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dasar Kerajaan mengenai pengambilan dan penggajian pekhidmat domestik asing adalah tetap sama iaitu hanya sembilan (9) negara sumber yang dibenarkan iaitu Filipina, India, Indonesia, Kemboja, Laos, Nepal, Sri Lanka, Thailand dan Viet Nam. Kemasukan pekhidmat domestik asing ini hendaklah melalui saluran rasmi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

2. Selain itu, bagi memantapkan lagi aspek perlindungan dan kebajikan pekhidmat domestik serta majikan, Kerajaan juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman Mengenai Pengambilan dan Penggajian Pekhidmat Domestik Kemboja dengan Kerajaan Kemboja pada 10 Disember 2015 sebagai pilihan alternatif kepada majikan. Dalam masa yang sama, Kementerian Sumber Manusia juga sedang mengadakan rundingan dengan beberapa negara sumber yang lain seperti Viet Nam dan Sri Lanka bagi memenuhi permintaan pasaran di Malaysia.

3. Mengenai caj-caj yang dikenakan untuk menggajikan pekhidmat domestik, Kerajaan sentiasa berpegang kepada prinsip perkongsian kos (*cost sharing*) di antara majikan dan pekhidmat domestik iaitu apa-apa kos yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia di Malaysia dan di negara sumber hendaklah ditanggung oleh majikan, manakala apa-apa kos yang dikenakan oleh Kerajaan negara sumber di Malaysia dan di negara sumber tersebut hendaklah ditanggung oleh pekhidmat domestik.

4. Sementara itu, mengenai jumlah pekhidmat domestik asing di Malaysia pula, berdasarkan Statistik Pas Lawatan (Kerja Sementara) Aktif yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, sehingga 31 Ogos 2016 adalah seperti berikut:

BIL.	WARGANEGARA	JUMLAH
1.	Indonesia	96,531
2.	Filipina	38,860
3.	Kemboja	3,147
4.	Sri Lanka	1,053
5.	India	909
6.	Viet Nam	621
7.	Thailand	333
8.	China	155
9.	Bangladesh	137
10.	Myanmar	102
11.	Nepal	63
12.	Pakistan	38
13.	Laos	20
JUMLAH		141,969